

# BULETIN MAJLIS DAERAH SELAMA



Majlis Daerah Selama

2010

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

TN. HJ. MUHAMMAD YUSOFF  
B. ABUSTAN

### PENASIHAT

EN. HELMI YUSOF

### EDITOR

CIK SITI NURBAYA

### SKUAD BULETIN

CIK RAJIPAH

CIK MARIA

MOHD. SARWANI

## KANDUNGAN

PERUTUSAN 1

YDP

SETIAUSAHA

MDS

AHLI MAJLIS 2

MDS

ANUGERAH

MDS 2009

PPKB

3

MDS

4

PROG.

5

TURUN

AKTIVITI

2009



## PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH SELAMA PERAK

*Salam 1Malaysia....*

Bersyukur kita ke hadrat Illahi dengan limpah rahmatNya Buletin MDS edisi pertama diterbitkan buat julung kalinya sebagai wacana rakyat Selama khususnya. **'People Centric'** merupakan fokus utama lonjakan berganda pentadbiran MDS dalam memberikan perkhidmatan berbaik waima perancang pembangunan mengutamakan keperluan rakyat Selama.

Tindakan pantas menjadikan sasaran utama tugas MDS bagi menjamin keselesaan, kesejahteraan dan keselamatan penduduk ke arah Selama Bandar Selamat, Bandar Mampan Negeri Perak. Namun tanggungjawab seluruh warga Selama sangatlah diperlukan bagi mencapai matlamat

**Selama Bersih, Indah dan Sejahtera**



**YDP MDS**

**TN. HJ. MUHAMMAD YUSOFF  
B. ABUSTAN**

**'INSAN CEMERLANG  
ADALAH INSAN YANG  
BERMANFAAT KEPADA  
SELURUH ALAM'**



## SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH SELAMA

*Salam Sejahtera...*


Pihak pentadbiran MDS mengalu-alukan perkhidmatan baru Tuan Setiausaha MDS 2010 (En. Helmi B. Yusof) bagi memimpin pengurusan dan perkhidmatan MDS memenuhi keperluan seluruh warga Selama.

**'1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'**

*Ahlan wasahlan En. Helmi B. Yusof.*

**SETIAUSAHA MDS**

**En. Helmi B. Yusof**



Sayidina Umar pernah berpesan kepada para pegawainya:-

*'Ingatlah, aku tidak melantik kalian agar kamu menjadi penguasa kuku besi ke atas rakyat. Aku mengutus kalian sebagai pemimpin agar rakyat dapat mencontohi kalian.'*

## AHLI MAJLIS MDS BAGI TAHUN 2010

Pentadbiran MDS dianggotai oleh 21 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh YB Menteri Besar Perak.

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Daerah Selama Perak bagi tahun 2010 telah berlangsung pada 23 Januari 2010 di Dewan Mesyuarat MDS. Ahli Majlis yang dilantik telah menanggung sumpah melaksanakan tanggungjawab serta tugas-tugas rasmi sebagai Ahli Majlis di hadapan YDP MDS (Tn. Hj. Mohammad Yusoff B. Abustan) merangkup Ketua Pen. Peg. Daerah Larut, Matang & Selama Perak.

Senarai Nama Ahli Majlis MDS Tahun 2010;-

1. En. Abdul Rani Bin Saman
2. En. Amir Hamzah Bin Musa
3. En. Chan Yoon Kooi PJK.
4. En. Choo Weng Choon. AMP. PJK.
5. En. Leong Chee Keong AMN. PJK.
6. En. Mohamad Bin Abdullah
7. En. Nasrudin Bin Dzulkifli PJK.
8. En. Ng Boon Song
9. En. Ng Chong Lim AMN. PPT.
10. En. Nizal Bin Saidin
11. En. Ooi Tek Kiang PPT.
12. En. Pandian A/L Govindasamy
13. En. Tan Meng Yin PJK.
14. En. Thevaraju A/L Kamiah AMP. PPT. PJK.
15. En. Yong Jaw Keang
16. En. Zainal Abidin Bin Saad
17. En. Zakaria Bin Saad AMP. PPN. PJK.
18. Pn. Mariatul Kiftiah Bt. Hj. Abd. Rahman
19. Pn. Sabariah Bt. Ali Hassan PPT. PJK.
20. Pn. Zailah Binti Nayan
21. Cik Loh Chee Mee

## ANUGERAH MDS BAGI TAHUN 2009

### *'KECEMERLANGAN SELAMA WAWASAN KAMI'*

Moto warga MDS yang menjadi wacana kecemerlangan MDS pada tahun 2009 dalam pencapaian anugerah;-

1– Bandar Mampan Negeri Perak

2– Tempat Ketiga

(Anugerak Kualiti PBT 2009)

3– Tempat Kedua Kategori Emas

(Pertandingan Taman Pokok Tema PBT Perak 2009)

*'Selama Indah  
Bersih & Sejahtera'*



Anugerah AKPBT 2009



Pertandingan Taman Pokok Tema PBT 2009

## PROGRAM TURUN PADANG TAHUN 2010

Turun Padang merupakan Agenda Mingguan MDS. Program turun padang ke lokasi bermasalah diketuai oleh Tuan Setiausaha MDS (En. Helmi B. Yusof), Ketua Bahagian Pentadbiran, Ketua Bahagian Perkhidmatan Bandar, Pen. Peg. Perancang Bandar MDS, Juruteknik MDS dan Pembantu Penguatkuasa.

Lokasi pertama yang dilakukan adalah ke lokasi Perniagaan Ayam di Kg. Guar Petai Jalan Menteri, Selama. Aktiviti ternakan ayam secara terbuka telah menyebabkan masalah lalat yang mengganggu ke

hidupan penduduk setempat. Meskipun mesyuarat bersama pengusaha ayam seluruh Selama telah diadakan bersama Pejabat Kesihatan dan Pejabat Haiwan namun masalah lalat masih belum dapat diatasi.

Lawatan mendapati pengusaha telah mempraktikkan bahan-bahan pencegah lalat yang telah disyorkan. Namun tiada laporan berkala dikemu

kakan kepada MDS seperti-mana yang telah diarahkan dalam mesyuarat yang telah dihadiri oleh pengusaha tersebut.

Tuan Setiausaha mengarahkan supaya pengusaha mengutamakan aspek kebersihan dan mencegah sebarang kacau ganggu terhadap penduduk setempat.



Reban ayam di Kg. Guar Petai Selama menyebabkan masalah lalat

## BANTUAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan beberapa bantuan kepada pemohon yang layak setelah dipanjangkan permohonan oleh PBT. Antara bantuan yang telah disalurkan kepada penerima di kawasan MDS ialah; -

- 1-Bantuan Kemasukan Sekolah
- 2-Bantuan Pengangkutan ke Sekolah
- 3-Bantuan IPTA
- 4-Bantuan Dialisis Buah Pinggang
- 5-Bantuan Sewa Rumah
- 6-Bantuan Ihsan

Penyampaian bantuan disampaikan oleh YB dato' Hamzah B. Zainudin, YDP MDS dengan membuat lawatan ke rumah-rumah penerima seterusnya menyerahkan cek kepada penerima.



YDP MDS menyampaikan cek bantuan kepada penerima (Pn. Che Jam Bt. Kasa)



Lawatan Setiausaha MDS ke rumah penerima ban-

# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2009



## LA 21 SELAMA



## BENGKEL AUDIT DALAM MDS




## SUKAN KT 2009



Penyerahan lori kompaktor oleh JPSPN kepada YDP MDS



Pameran



## MAJLIS PELANCARAN

### LA21 SELAMA

Dirasmikan oleh:-

**YB Dato' Hamzah B. Zainudin**

Timbalan Menteri KPPT